

TRAGEDI LETUPAN PAIP GA

Pasaran harta tanah Putra Heights terjejas

SUBANG JAYA: Pasaran harta tanah di kawasan kebakaran dan letupan paip gas di Putra Heights di sini, dijangka menghadapi tekanan dengan penurunan harga jualan dan kadar sewa dalam masa terdekat.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Prof. Khairudin Abd. Halim berkata, insiden yang berlaku menyebabkan ramai pembeli dan penyewa menangguhkan keputusan mereka dan memilih untuk berpindah ke lokasi lain yang lebih selamat.

"Permintaan terhadap harta tanah di kawasan berkenaan akan menurun, menyebabkan pemilik harta tanah terpaksa menurunkan harga untuk menarik minat pembeli dan penyewa."

"Walaupun penurunan ini dijangka sementara, kesannya bergantung kepada pemulihan keyakinan awam."

+ "Jika ketidaktentuan berterusan, tekanan harga mungkin berterusan dan memberi kesan negatif terhadap nilai harta tanah," katanya ketika dihubungi *Utusan*



PENDUDUK, Azam Mokhtar bersama isterinya, Nazira Abd. Aziz melihat kenderaan mereka yang rosak akibat kesan letupan saluran paip gas yang berlaku di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Selangor.

Malaysia.

Nilai kerugian akibat kerosakan dan kemusnahan harta tanah susulan kejadian pada Selasa lalu dianggarkan melebihi RM100 juta.

Dalam pada itu, Presiden Pertubuhan Profesional Malaysia (PERTAMA), Prof Dr. Ismail Omar berkata, lokasi kebakaran dan let-

upan berpotensi untuk mengalami peningkatan nilai harta tanah, sekiranya proses pemulihan ekonomi dilaksanakan dengan sempurna.

Ismail berkata, meskipun kawasan tersebut terjejas, pemulihannya yang efisien dan terancang mampu mengembalikan keyakinan pelabur.